

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN BAGI
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah konsert K-Pop dianjurkan di Malaysia dalam tempoh 3 tahun lepas dan berapakah anggaran kos yang dibelanjakan bagi penganjuran konsert-konsert tersebut.

JAWAPAN :

Yang Berhormat,

Sepanjang tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 35 konsert K-Pop telah diadakan di Malaysia. Kementerian ini tidak mempunyai rekod keseluruhan kos penganjuran mana-mana konsert. Ini kerana pihak penganjur tidak diwajibkan untuk mengemukakan maklumat tersebut kepada PUSPAL. Namun begitu, pihak penganjur perlu mengemukakan maklumat kos bayaran kepada artis luar negara kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui dokumen kontrak artis.